



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan seperti yang berikut:

No. Sebut harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebut harga	Kelayakan Penyebut harga	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Taklimat & Lawatan Tapak (Diwajibkan)	Harga
SH/PTGS/03/2026	Sebut Harga Perolehan bagi Membekal, Memasang Dan Kerja-Kerja Menanggal 15 Unit Penghawa Dingin 'Non Inverter' Di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 020301 yang masih sah dan berkuatkuasa DAN Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuat kuasa DAN Surat Pengesahan Pendaftaran Sistem Tender Online Selangor, (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	6 Ogos 2026 (Khamis) dokumen meja tawaran mula dipamerkan dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 24 Ogos 2026 (Isnin) tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari	Tarikh/ Hari: 11 Ogos 2026 (Selasa) Jam: 9.30 Pagi Tempat: Tingkat 3, PTGS Nota: HANYA PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh menyertai sesi taklimat sebut harga ini.	RM20.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan **mulai 6 Ogos 2026 (Khamis)** pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.



2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada Penyebut harga yang sah sahaja dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 mulai **6 Ogos 2026 (Khamis) hingga 24 Ogos 2026 (Isnin) sebelum 12.00 tengah hari.**
3. Semua Penyebut Harga yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib hadir** semasa Taklimat Sebut Harga dan Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan SALINAN FOTOSTAT (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:
 - (a) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **020301** yang masih sah dan berkuatkuasa;
 - (b) Berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 (Sijil UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa; dan
 - (c) Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
4. Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan menghantar maksimum dua (2) orang wakil sahaja dimana hanya PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh menyertai sesi taklimat sebut harga ini. Penyebut Harga yang tidak menyertai sesi taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan.

5. PENYERAHAN SEBUT HARGA

Untuk memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga diwajibkan mengemukakan:

TAWARAN

Satu (1) salinan asal dan tandakan "ASAL (ORIGINAL)"

Satu (1) salinan tambahan dan tandakan "SALINAN (COPY)"

6. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam 2 sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di bahagian kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan dilabelkan dengan "Tawaran Sebut harga SH/PTGS/03/2026" dengan jelas pada bahagian di sebelah kiri sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat seperti berikut:

SULIT - SH/PTGS/03/2026

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tingkat 4, Bahagian Khidmat Pengurusan

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

7. Tarikh tutup Sebut Harga ini adalah pada **24 Ogos 2026 (Isnin)** jam 12.00 tengah hari.
8. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: **6 Ogos 2026**

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

